

800,000 Ahli Pertubuhan Peladang Sokong BN
Bernama
11 April, 2013

MELAKA, 11 April (Bernama) -- Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang Malaysia Datuk Zainal Dahalan yakin kira-kira 800,000 ahlinya di seluruh negara akan setia menyokong kerajaan Barisan Nasional (BN) yang telah banyak membantu meningkatkan taraf hidup peladang.

Beliau berkata kerajaan telah banyak memberikan bantuan khususnya peruntukan kepada peladang sehingga membawa banyak perubahan kepada golongan tersebut dari segi pemilikan aset dan aktiviti perniagaan.

"Boleh kata Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) sekarang ini untung dan boleh beri dividen...untung pun berjuta-juta, ini semua hasil daripada bantuan kerajaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis ramah mesra bersama pemimpin peladang negeri Melaka di sini, Khamis.

Katanya tidak wajar sekiranya anggota peladang melupakan segala jasa kerajaan dalam membantu membangunkan pertubuhan tersebut.

Beliau berkata Melaka merupakan negeri kedua menerima peruntukan secara 'one-off' tersebut selepas Negeri Sembilan.

Peruntukan dengan jumlah keseluruhan RM28 juta bertujuan melaksanakan program bantuan peralatan pertanian, ternakan dan akuakultur bagi pekebun kecil dan ahli kor tani pertubuhan tersebut.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=941303>